

Izin khas untok Datuk Kampo: Anak-nya 'berat'

Berita Harian, 15 April 1968, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL5410

Izin khas
untok
Datuk
Kampo:
Anak-nya
'berat'

KUALA LUMPUR,
Anad. — Bekas
tahanan politik
yang di - kenakan
perintah tidak bo-
leh keluar kawasan,
Datuk Kampo Ra-
djo bin Baginda
Kayo, hari ini men-
dapat keizinan ke-
luar dari Semenyih
ka-Petaling Jaya.

Beliau mendapat kei-
zinan itu, kerana anak-
nya, Shukra, 17 tahun,
penuntut baru Institut
Teknologi MARA ter-
paksa di-rawat di-Ru-
mah-Sakit Assunta.

Gadis Shukra, anak ke-
dua Datuk Kampo Radjo,
mempunyai 4 orang adek

beradek lelaki. di-rawat di-rumah sakit itu sejak 6 hari yang lalu.

Menurut Datuk Kampo: "Saya baharu di-beritahu tentang Shukra melalui talpon semalam."

Beliau tidak dapat datang semalam, kerana syarat2 pembebasan ka-atas-nya sejak 12 Januari, 1967 yang lalu

Menurut syarat2 itu, beliau tidak boleh keluar kawasan dan mesti berada dalam rumah di-waktu malam.

Sa-telah mendapat kebenaran, Datuk Kampo segera ka-Rumah Sakit Assunta.

"Saya sangat terkejut melihat keadaan Shukra yang begitu berat." kata

beliau dengan nada sedih dan terharu.

"Shukra telah tidak kenal saya lagi." sambong-nya dengan suara yang tertahan2.

Menurut-nya, Shukra sa-orang gadis yang jarang sakit sa-belum masok ka-Institut itu.

Shukra, yang begitu keras hati, mengapa jadi demikian, saya tidak tahu.

"Hal ini akan saya kemukakan kepada Pengerusi MARA, dan kalau perlu kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sendiri.

"Saya sungguh terkejut mengapa Shukra menjadi bagini sa-lepas beberapa hari sahaja masok ka-institut MARA," kata Datuk Kampo Radjo lagi.

Di-ragging

Menurut Setiausaha Kesatuan Pelajar2 MARA, Euche Zakaria bin Mat Sohor, anak gadis Datuk Kampo di-bawa masok ka-Rumah-Sakit Assunta sa-lepas di-pelonchon (ragging) oleh beberapa orang menjelang di-adakan "orientasi" bagi pelajar2 baru institut itu.

Orientasi itu di-adakan semalam, dengan tujuan membiasakan diri antara pelajar2 lama dan baru.

"Penyakit Shukra tidak ada sangkut paut dengan orientasi." kata Enche Zakaria.

Walau bagaimana pun beliau tidak menafikan adanya pelonchon di-lakukan sebelum itu.

"Tujuan minggu orientasi yang bermula semalam adalah baik. Tetapi kami tidak dapat mengawal seluruh pelajar dalam mengadakan pelonchon" tegas-nya lagi.

Beliau kemudian mengeshorkan supaya butir⁷ lanjut di-tanyakan kepada Pemangku Pengerusi Kesatuan Pelajar⁷ itu, Enche Bahktiar bin Sulaiman.

Bila di-temui, Enche Bahktiar sambil dudok bersilang kaki berkata: "Yes! What do you want pressmen?"

Menjawab pertanyaan yang di-kemukakan. Enche Bakhtiar terus menggunakan bahasa Inggeris, berkata: "Shukra kelihatan memang tidak sebat bila melaporkan diri sa-bagai pelajar baru di-maktab ini pada 6 April."

Enche Bakhtiar mensifatkan perkara itu sa-bagai perkara kechil, dan penyiasatan akan di-jalankan.

"Kami berchadang membincangkan soal Shukra dengan pemangku Pengetua, Enche Hijaz bin Kasturi, malam ini atau esok," kata-nya sambil membetulkan sandaian diri-nya.

Datuk Kampo Radjo, ayan Shukra, berkata "Saya tetap akan meminta penjelasan dari Pengerusi MARA atau Tun Razak, tentang apa yang di-lakukan oleh pelajar2 di-maktab ini."

Shukra, ketika di-kunjongi lewat petang ini, maseh tidak kenalkan sa-siapa.

Menurut sa-orang jururawat rumah Sakit itu, Shukra maseh tidak mahu makan.

Keadaan ticak dapat mengenai sa-siapa tetap saperti biasa, sejak di-masokkan pada 6 April, kata jururawat itu lagi.



PRES. JOHNSON



DATUK KAMPO
Anak-nya jadi
mangsa ragging